

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI  
SALLEH [ PASIR PUTEH ]**

**TARIKH : 06 OGOS 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan dan pelan tindakan terperinci bagi menghadapi kemungkinan berlaku peningkatan kelompok tercicir dalam menguasai pendidikan pasca COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dan berusaha menyediakan akses pembelajaran kepada murid melalui kaedah *Home-based Learning* mengikut kesesuaian guru dan murid sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

Namun, Kajian Kesediaan Murid dalam Pembelajaran Secara dalam Talian oleh KPM mendapati bahawa sebahagian besar murid tidak memiliki peranti bersesuaian untuk mengikuti pembelajaran secara dalam talian. KPM menyedari bahawa terdapat kelemahan dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran melalui *Home-Based Learning* kerana murid tidak memiliki peranti bersesuaian dan akses terhad kepada internet. Selain itu, pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian merupakan sesuatu yang baharu untuk kebanyakan guru, murid dan ibu bapa. Keadaan ini menyebabkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian agak terhad berbanding kaedah secara bersemuka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara perkara utama yang dilaksanakan apabila sekolah dibuka semula adalah guru akan menilai tahap penguasaan murid. Seterusnya, guru akan mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan murid sekurang-kurangnya mencapai tahap penguasaan minimum dalam setiap mata pelajaran yang diikuti. KPM yakin apabila sekolah dibuka semula, murid dapat mengikuti pembelajaran secara bersemuka dengan lebih berkesan.

KPM akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan kaedah *Home-based Learning* ini dari semasa ke semasa. Buat masa ini, KPM sedang merangka strategi pelaksanaan yang komprehensif dalam memperkasa pendidikan digital, termasuklah pelaksanaan *Home-based Learning*.

Sekian, terima kasih.